

NAMA: _____

TINGKATAN: _____

BAHAGIAN B

1. Maklumat berikut adalah dua definisi masalah (jawapan hendaklah ditulis dalam huruf kecil semuanya)

A	Masalah yang tidak mempunyai kesan sampingan setelah usaha penambahbaikan dilakukan
B	Masalah baharu yang wujud setelah usaha penambahbaikan dilakukan

Berdasarkan definisi di atas, nyatakan jenis masalah

A: _____

B: _____


2. Maklumat berikut adalah dua jenis masalah

A	Masalah inventif
B	Masalah bukan inventif


Padankan pernyataan berikut dengan jenis masalah, dengan menyatakan A atau B pada petak yang disediakan

Azrul mudah memotong daging setelah mengasah pisau yang pada mulanya tumpul	
Puan Ramlah telah menambahkan manik di baju kurungnya lalu menyebabkan bajunya sukar diseterika	
Tarmizi telah memotong roti dengan menggunakan pisau biasa dan mengakibatkan potongan rotinya tidak kemas	

3. Maklumat berikut adalah mengenai proses penyelesaian masalah inventif



Lengkapkan carta alir berikut berdasarkan jawapan yang diberi.



4. **A**, **B** dan **C** adalah konsep analisis fungsi

A	Produk
B	Fungsi
C	Objek

Padankan konsep analisis fungsi itu dengan menulis **A**, **B** atau **C** petak yang disediakan

Menerima kesan daripada fungsi produk	
Membentuk suatu sistem bagi produk itu sendiri	
Tugas/tindakan untuk merubah objek sasaran	

5. Tandakan (/) bagi pernyataan yang **betul** berkaitan dengan fungsi produk dan (X) bagi pernyataan yang **salah** pada petak yang disediakan.

Jika satu atau dua komponen tidak berfungsi, ianya tidak menjejaskan fungsi produk	
Tujuan analisis fungsi dilakukan ialah untuk mengenalpasti sistem yang ada pada produk	
Objek merupakan penerima kesan daripada produk	

6. Nyatakan **tiga** komponen yang terdapat pada sebuah meja (jawapan hendaklah ditulis dalam **huruf kecil semuanya**)

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

7. **A**, **B** dan **C** adalah konsep analisis fungsi

A	Kedinamikan
B	Tindakan keterlaluan
C	Pembuangan dan pemulihan

Padankan prinsip inventif itu dengan menulis **A**, **B** atau **C** pada petak yang disediakan.

Puan Chua telah menambahkan lagi gula ke dalam air teh kerana kurang manis	
Puan Aminah telah membuang hampas kelapa setelah mendapatkan santan yang diperlukannya	
Encik Alex telah menambahkan ketinggian katil untuk dia memasukkan sebuah katil lagi di bahagian bawahnya agar dapat menjimatkan ruang	

8. Rajah berikut menunjukkan pengubahsuaian produk



A



B

Berdasarkan rajah di atas, (jawapan hendaklah ditulis dalam **huruf kecil semuanya**)

(a) Nyatakan jenis masalah

(b) Apakah prinsip inventif yang digunakan dalam pengubahsuaian produk ini?
